

28/07/2005

MAHATHIR-KUASA

DR MAHATHIR JANGKA PERALIHAN KUASA KE ASIA TIMUR

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini meramalkan peralihan kuasa dari Amerika Utara dan Eropah ke negara-negara Asia Timur dalam tempoh 50 tahun akan datang.

"Peralihan kuasa ini adalah hasil daripada dinamisme penduduk Asia Timur," katanya yang merujuk kepada negara-negara lebih besar di rantau ini terdiri dari China, Jepun, Korea Selatan, India dan "beberapa" negara Asia Tenggara.

"Negara-negara ini mempunyai jumlah penduduk yang ramai terdiri daripada mereka yang kuat bekerja, berdedikasi, pintar, berpelajaran dan bersedia untuk bergerak ke hadapan," katanya pada forum yang bertajuk "Malaysia dalam Cabaran Asia, Tindak Balas dan Peluang" di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Ketiga di sini.

Dr Mahathir berkata kemajuan ekonomi yang dialami Jepun, Korea Selatan dan kini China serta India merupakan faktor-faktor yang membawa kepada fakta ini.

"Tidak diragui satu daripada kuasa terbesar di Asia Timur adalah China. China mempunyai kira-kira 1.3 bilion penduduk yang sangat cerdas, gigih bekerja dan berkemampuan," kata Dr Mahathir yang memegang jawatan sebagai perdana menteri selama 22 tahun sebelum bersara pada Oktober 2003.

Beliau berkata China pada suatu hari kelak akan berkembang menjadi kuasa ekonomi terbesar di Timur dengan teknologi tempatan, penyelidikan dan penemuan yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan manusia.

Dr Mahathir menjangka warga China yang kini menetap di Barat suatu hari kelak akan berpindah balik ke negara China dan tindakan ini dikatakan akan memberi sumbangan besar kepada kemajuan sains dan teknologi di negara tersebut.

Ini, katanya, sama dengan bagaimana Jepun bangkit selepas Perang Dunia Kedua dan kemudiannya Korea Selatan di mana kemajuan mereka dalam sains dan teknologi bermula berasaskan pada apa yang ada di Barat.

"Dan apabila anda memikirkan China sebagai sebuah negara yang lebih besar berbanding gabungan Eropah dan Amerika Utara dan memikirkannya sebagai negara yang mempunyai kekuatan teknologi yang sama seperti Eropah dan Amerika Syarikat, barulah kemudiannya anda akan nampak peranan dan kedudukan China di masa depan sebagai satu kuasa ekonomi dan negara maju dari segi sains," katanya.

Dengan mengandaikan penduduk China mencapai separuh pendapatan perkapita AS pada AS\$20,000 setahun, beliau berkata, negara itu akan menjadi "amat kaya" dan menawarkan pasaran yang besar bagi eksport Malaysia seperti minyak sawit.

Walaupun mengakui China mungkin boleh menjadi saingan kepada industri elektronik Malaysia, namun beliau berkata, import kelapa sawit Malaysia dari negara itu juga dijangka terus meningkat.

Dengan rantau ini menjadi lebih maju hasil daripada kekayaan China, beliau berkata: "Pasaran di bahagian ini akan menjadi satu pasaran dominan di dunia.

"Inilah tempat di mana anda boleh membuat keuntungan. Disinilah tempat di mana wang dibelanjakan dan sesiapa sahaja akan mahu menjual barang ke pasaran besar ini."

Dr Mahathir juga berkata pergerakan penduduk di masa depan mungkin menyebabkan tiada satu negara yang akan mempunyai satu populasi etnik dominan, kecuali China.

"Ianya mudah kerana terlalu ramai orang Cina untuk dikurangkan," katanya berseloroh.

"Dunia akan menjadi sangat "kecinaan" sama ada kita suka ataupun tidak," katanya.

Beralih kepada potensi kekuatan ketenteraan China, Dr Mahathir berkata beliau tidak percaya China akan menjadi terlalu agresif melainkan ia diancam.

Beliau, bagaimanapun, berkata China mempunyai keupayaan untuk menjadi satu kuasa tentera yang hebat tetapi belum mempergunakan kuasa itu lagi.

Tidak seperti negara-negara Eropah, beliau berkata sejarah menunjukkan China tidak pernah menunjukkan sebarang hasrat untuk menakluk, mencero boh atau menjajah negara-negara Asia lain.

Sebaliknya ia memilih untuk menjalin hubungan perdagangan yang kukuh dengan negara-negara ini.

"Saya tidak rasa kita perlu takut dengan China. Kita tidak sepatutnya menganggap negara itu sebagai satu ancaman tetapi kita perlu bersiap sedia menunggu kemunculan negara China yang maju," katanya.

Beliau berpendapat China perlu banyak melaksanakan hubungan awam bagi mengene pikan segala tanggapan negatif seumpama itu (ancaman). -- BERNAMA

MAD KTC ZK